

NKF bantu pesakit buah pinggang kurang mampu dapatkan rawatan

KUALA LUMPUR 1 Feb. - Pesakit buah pinggang kini boleh mendapatkan rawatan hemodialisis semurah RM50 sekiranya berdaftar dan mendapat rawatan di pusat dialisis Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF).

Eksekutif Penjenamaan dan Komunikasi NKF, Yew Ve Vian berkata, perkhidmatan itu hanya ditawarkan kepada pesakit yang kurang berkemampuan iaitu mempunyai pendapatan isi rumah RM1,300 dan ke bawah.

“Secara umumnya, pesakit akan dikenakan caj sebanyak RM150 hingga RM250 bagi satu sesi di pusat dialisis swasta tetapi jika mereka berdaftar dengan NKF, hanya perlu membayar RM50 dan bayaran selebihnya diusahakan oleh NKF, selain subsidi daripada Kementerian Kesihatan.

“Usaha ini juga adalah untuk memudahkan dan meringankan beban

pesakit buah pinggang menunggu untuk mendapatkan rawatan di mana-mana hospital dan terpaksa melaluinya tiga kali seminggu,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Ve Vian, pusat rawatan yang diuruskan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu kini mempunyai kira-kira 1,500 pesakit berdaftar yang menerima rawatan di 27 pusat dialisis NKF di seluruh negara.

Katanya, setiap tahun, lebih 4,000 pesakit baharu akan menjalani rawatan dialisis akibat kegagalan fungsi buah pinggang, yang mana kos bagi dialisis boleh mencecah RM39,000 seorang pesakit setahun.

Selain itu, katanya, orang ramai yang ingin membuat pemeriksaan saringan penyakit buah pinggang juga boleh melakukannya secara percuma di Unit Mobil Bergerak

NKF Lifecheck.

“Setakat ini, sebanyak 150,000 orang menjalani pemeriksaan saringan tersebut. Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan supaya segera menjalani pemeriksaan kesihatan buah pinggang yang ditawarkan secara percuma supaya tidak mendatangkan kemudaratannya lebih kronik,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, dengan adanya pusat rawatan itu, sekurang-kurangnya dapat membantu hospital kerajaan yang tidak mampu menampung jumlah pesakit buah pinggang.

“Paling tidak pun pesakit-pesakit tidak perlu berebut-rebut dan menunggu terlalu lama untuk mendapatkan rawatan,” katanya.

Orang ramai yang ingin mengetahui lokasi-lokasi dan tarikh klinik bergerak tersebut boleh melayari laman web rasmi NKF, www.nkf.org.my.